

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(II)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI  
YB. H'NG MOOI LYE**

23. Sila nyatakan projek pelancongan di Parlimen Nibong Tebal sejak 2013.
- (a) Hanya satu tempat di Pulau Pinang untuk memberi pelancong datang menikmati kelip-kelip di sepanjang Sungai Kerian pada waktu malam. Adakah apa-apa rancangan oleh Kerajaan Negeri di DUN JAWI supaya membantu bagi menghidupkan tarikan pelancongan di sini?

**YB. YEOH SOON HIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

23. Projek-projek pelancongan di Parlimen Nibong Tebal adalah seperti Taman Negeri Bukit Panchor, *Homestay* Sungai Chenaam, *Homestay* Sungai Duri, *Homestay* Sungai Setar dan Jeti Kelip-Kelip Sungai Nibong. Walau bagaimanapun, projek-projek pelancongan tersebut telah wujud sebelum tahun 2013. Bagi merangsang sektor pelancongan di Parlimen Nibong Tebal, Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa program seperti Karnival Pesta Tanglung 2017 Peringkat Seberang Perai Selatan pada 28 September hingga 1 Oktober 2017, Kursus Pemasaran Produk *Homestay* di *Homestay* Sungai Duri pada 30 September hingga 1 Oktober 2017 dan program *Forest Bathing* di Hutan Lipur Taman Bukit Panchor pada 7 Julai 2018.

- (a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Pembangunan

Pelancongan telah melawat tapak baharu yang dicadangkan untuk pembinaan jeti kelip-kelip di Nibong Tebal pada September 2017. Hasil lawatan tersebut, Kerajaan Negeri mendapati bahawa lokasi tersebut mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai tempat tarikan pelancong. Namun demikian, terdapat jeti kelip-kelip sedia ada di Nibong Tebal dan Kerajaan Negeri berpandangan bahawa adalah lebih sesuai sekiranya jeti kelip-kelip sedia ada dinaik taraf setelah mengambil kira lokasi serta permintaan yang masih belum mencapai tahap yang tinggi. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah memohon peruntukan daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia untuk membina sebuah jeti yang baharu. Selaku YB. kawasan, cadangan dari YB. sendiri untuk aktiviti perlancungan amat dialukan untuk tindakan susulan Kerajaan Negeri.